

**Majlis Perasmian Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia Bera,
Pahang**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 15/10/2022

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN RUANG REKA STIE KELUARGA
MALAYSIA BERA, PAHANG**

**15 OKTOBER 2022 | SABTU | 10.00 PAGI
BALAI RAYA FELDA BUKIT PUCHONG TRIANG, PAHANG**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada **Majlis Perasmian Ruang Reka Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) Keluarga Malaysia, Bera, Pahang** pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) serta pelbagai pihak lain yang terlibat dalam menjayakan majlis yang signifikan ini.

3. Semoga seluruh Keluarga Malaysia yang hadir pada pagi ini sihat sejahtera hendaknya.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Agenda STI negara dipacu oleh Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 yang ingin menjadikan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030 dan seterusnya menjadi antara pencipta teknologi dunia.

5. Justeru, Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia diharap dapat menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti agar lebih ramai Keluarga Malaysia bergiat dalam bidang STI, dan mendukung agenda DSTIN.

6. Kerajaan juga berharap usaha ini akan mewujudkan golongan pemikir yang dapat menghasilkan produk atau perkhidmatan untuk dikomersialkan, sekali gus membantu negara memperkasa ekonomi berasaskan inovasi.

7. Selain mewujudkan kekayaan baharu, agenda STI negara juga disasarkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam serta menyerlahkan keupayaan negara di peringkat antarabangsa.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

8. Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan mendalam kepada seluruh dunia dan kita mempelajari pelbagai perkara daripadanya termasuklah menghasilkan inovasi yang dapat menyelamatkan jutaan nyawa, dan kini, menjadi sebahagian daripada norma kehidupan harian kita.

9. Ketika merasmikan Persidangan Inovasi 2022 pada Ogos lalu, saya ada menyentuh bahawa penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D dan C&I) berperanan penting dalam memupuk inovasi dan mempercepat pembangunan sosioekonomi bagi mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

10. Kerajaan turut mengajak inovator akar umbi, membantu membangunkan bidang inovasi negara secara terangkum dalam semangat Keluarga Malaysia dengan menjadikan Inovasi Sosial sebagai satu platform yang penting.

11. Konsep Inovasi Sosial semakin meraih perhatian dan minat yang amat ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Perkembangan inovasi

sosial di Malaysia juga adalah amat menggalakkan dan kita turut dapat melihat peningkatan dalam bilangan perusahaan sosial.

12. Dengan inovasi di peringkat serantau dan tempatan dijadikan tumpuan, inovasi sosial dapat dipupuk menggunakan pendekatan yang berbeza menerusi pembangunan inkubator (inovasi) sosial seperti program Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia.

13. Malah, inovasi sosial juga berpeluang menyelesaikan isu sosial yang mendesak kerana potensinya mewujudkan peluang pekerjaan melalui pasaran baharu yang boleh dibangunkan daripada idea inovator akar umbi.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

14. Ketidaktentuan ekonomi dunia menjadikan inovasi sosial semakin penting pada masa kini dalam merangsang pasaran sosial yang lebih dinamik, inklusif dan mampan.

15. Ini kerana pemulihan dalam pertumbuhan negara bagi tahun 2022 bukanlah semata-mata berkait dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sahaja tetapi juga pembangunan yang terangkum daripada semua aspek.

16. Ternyata, bahawa inovasi sosial mampu mengurangkan jurang ketidaksamaan dalam ekonomi bandar dan desa selain dapat menyetarakan inovasi tradisional sebagai satu punca ekonomi yang berdaya saing.

17. Saya difahamkan, seramai 6,000 inovator akar umbi telah dibantu sejak tahun 2012 melalui pendanaan pembangunan inovasi berteknologi dan automasi, pemilikan paten, bimbingan kapasiti diri, penubuhan syarikat dan diffusion produk melibatkan pelaburan kewangan Kerajaan melalui MOSTI sebanyak lebih RM50 juta. Syabas saya ucapkan!

18. Saya berharap melalui penyediaan platform seperti Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia ini akan menggalakkan lebih ramai inovator akar umbi tampil dengan inovasi dan teknologi yang boleh dikomersialkan.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

19. Sebenarnya, penglibatan institusi pendidikan dan korporat dalam isu kemasyarakatan bukanlah baharu, dalam konteks semasa, ia dikenali sebagai Environment, Social and Governance (ESG) berbanding sebelumnya sebagai tadbir urus korporat atau tanggungjawab sosial korporat.

20. Sebentar lagi, kita akan menyaksikan sesi pertukaran surat hasrat kerjasama antara YIM dan Universiti Malaysia Pahang dalam penyediaan

latihan dan pembangunan kapasiti bidang inovasi kepada komuniti di kawasan Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia, Bera, Pahang.

21. Saya difahamkan, setiap Ruang Reka yang dibangunkan mempunyai rakan strategik yang terdiri daripada akademia, Kerajaan, syarikat swasta, badan bukan kerajaan dan komuniti setempat.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

22. Inovasi sosial tidak seharusnya dilihat sebagai projek atau inisiatif sekali sahaja (one-off) kerana perlu disokong oleh minda keusahawanan agar proses menjana sumber baharu sentiasa berkembang, selari dengan pertumbuhan organisasi dan daya saing pasaran yang mampan.

23. Saya menyeru kepada institusi-institusi korporat untuk turut memberi sokongan kepada Kerajaan dan bekerjasama dengan YIM sebagai ejen inovasi sosial yang menyokong pembangunan inovator akar umbi kita.

24. Saya mengharap agar muncul lebih banyak idea STIE yang bukan sekadar menarik tetapi juga berdaya maju melibatkan teknologi automasi, pembelajaran mesin dan data raya (big data), kepintaran buatan (AI), teknologi robotik serta Internet benda (IoT) sehingga mampu memberi nilai tambah kepada masyarakat setempat.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

25. Pembangunan Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia, Bera, Pahang yang dibangunkan oleh MOSTI melalui YIM akan memberi peluang kepada masyarakat untuk menjadi lebih celik terhadap teknologi terkini.

26. Selain itu, program ini dapat menjana pendapatan masyarakat setempat berasaskan ekosistem 10-10 STIE (Langganan Padanan Perniagaan dan Perkongsian Ekonomi) yang menyasarkan golongan pelajar, belia, peniaga kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat pemula.

27. Melalui Ruang Reka STIE ini, komuniti setempat dapat menggunakan Makmal Reka Bentuk, Makmal Komputer, Sudut Idea, Sudut Teknologi, Sudut Inovasi, Digital Studio dan Ruang Latihan untuk menimba dan meningkatkan pengetahuan serta pembangunan kapasiti masyarakat di sekeliling kawasan ini.

28. Akhir sekali, semua Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia yang dibangunkan boleh diakses secara percuma oleh sesiapa sahaja yang ingin memanfaatkan kemudahan yang disediakan Kerajaan.

29. Dengan kata-kata dan harapan tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan **Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia, Bera, Pahang.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/majlis-perasmian-ruang-reka-stie/>